

**Kerajaan Akan Memastikan Lynas Patuhi Semua Peraturan, Syarat Bernama**  
**11 Disember, 2012**

PUTRAJAYA, 11 Dis (Bernama) -- Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Maximus Ongkili hari ini menegaskan kerajaan akan memastikan Lynas mematuhi semua peraturan dan syarat sebelum membenarkan loji pemprosesan nadir bumi milik syarikat itu, Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) di Gebeng, Pahang mula beroperasi.

Beliau berkata ini termasuk pemindahan semua sisa buangan yang dihasilkan oleh loji dari Malaysia itu termasuk semua produk yang diperbuat daripada sisa buangan itu.

Ongkili berkata Lynas telah mencadangkan untuk menukar sisa berkenaan menjadi produk yang mempunyai amoun radioaktif yang rendah iaitu di bawah 1 becquerel bagi satu gram, yang akan menjadikannya produk biasa yang boleh digunakan untuk tujuan industri.

"1 becquerel ialah apa yang dikeluarkan oleh kuari, dan standard di Malaysia malahan lebih tinggi daripada standard antarabangsa iaitu 5 becquerel bagi satu gram."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Hasil Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan Rancangan Malaysia Kesembilan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini.

Ditanya sama ada produk berkenaan akan dipasarkan di Malaysia, Ongkili berkata ia terserah kepada Lynas.

Ongkili juga menegaskan keselamatan telah menjadi tumpuan kerajaan sejak dari awal lagi, dan sebab itu kenapa standard antarabangsa telah dijadikan garis panduan dan pelbagai proses telah dilalui sebelum loji itu diberikan lesen operasi sementara.

Isu sisa buangan timbul apabila satu laporan berita memetik Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng sebagai berkata Pengarah Urusan Lynas Mashal Ahmad mengakui bahawa syarikat itu tidak akan mengeksport sisa buangan.

Lynas, bagaimanapun menafikan kenyataan itu telah dikeluarkan dan menyatakan produk yang dihasilkan daripada sisa buangan yang dikenali "sintetik agregat" akan dieksport ke negara-negara lain mengikut standard dan peraturan antarabangsa dan tempatan dan ia akan digunakan sebagai bahan kejuruteraan awam.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=716628>